

ABSTRACT

The regular and predominant utilisation of newly-formed words (not terminologies) in social media puts forth a displeasing voice to the standard linguistic setting of a language. This is chiefly due to the fact that the use of these words in the media disregard the prevailing rules and linguistic systems, be they the pronunciation, spelling, terminology, vocabulary, grammar and register. On the one hand, this phenomenon is deemed a thorny linguistic issue, but on the other hand, this should rather be aptly managed. This goes along with the very dynamic nature of a language, which inevitably keeps on developing from time to time. In accordance with the aforesaid premise, the paper aims to obtain the descriptions of the new words which are regularly used in social media. The word 'kekwat' was selected as the sample, and the describing strategy was grouped into two main processes, namely data elicitation process and data analysis process. The data elicitation process was initiated by identifying the use of the newly-formed words in the social media platforms, such as Facebook, Twitter, Myspace and Instagram. Subsequently, the identified words were classified into three categories under the umbrella of content lexical (nouns, verbs and adjectives). Following the grouping process, the words were then verified as undocumented in any Malay dictionary by cross-referencing them using four (4) main dictionaries. Next, the data were scrutinised using the WebCorp database. The data analysis process was completed based on three (3) main focuses, i.e. the analysis focusing on the usage pattern, meanings, and identification of additional information resting on the Semantic Prosody theory, which was computed using the TextSTAT 2.9 application. The proposed strategy of description in this paper is thus hoped to bring about a more systematic and scientific approach to manage the dynamism of the newly-formed words. It is also hoped that the findings, based on the analytical procedures may shed some light on how the words are contextually utilised.

Keywords: social media, newly-formed words, corpus, WebCorp, exSTAT

1.0 PENDAHULUAN

Usaha mendefinisi konsep kata baharu dalam kalangan pengkaji bahasa masih pada peringkat umum. Keadaan ini bermaksud, konsep kata baharu yang diberikan terbatas kepada pendefinisian yang terhad dan sempit. Namun, keadaan ini sudah boleh dianggap memadai untuk memberi gambaran awal berkenaan konsep kata tersebut. Nathesan (2016) misalnya menjelaskan konsep kata baharu sebagai kata yang mencakupi pelbagai bidang ilmu (seperti semantik, morfologi, dan leksikografi) yang hadir secara terus-menerus, dan akan memasuki bahasa melalui pelbagai sumber, sama ada sumber bertulis mahupun lisan. Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, dan Abdul Hamid Mahmood (2014) pula mengatakan, kata baharu ialah kata yang terhasil daripada ciptaan penggunaan popular yang mengungkapkannya perkara, kejadian, keadaan, dan benda yang berkait rapat dengan kehidupan. Menurut Noresah (2005), kata baharu ialah kata yang bercambah disebabkan oleh kekreatifan manusia selaku penutur memanipulasi penggunaan kata dalam sesuatu bahasa sehingga menjadikan sesuatu bahasa itu terus hidup dan berkembang. Sementara itu, menurut Halliday, Cermakova, Teubert, dan Yallop (2004), kata baharu atau neologisme ialah kata, bentuk, binaan atau deria baharu yang dimasukkan dalam sesuatu wacana, dan seterusnya dalam bahasa. Pendefinisian ini memperlihatkan bahawa, konsep kata baharu boleh dianggap sebagai kata yang baharu muncul dan digunakan oleh sekumpulan penutur dalam keadaan tertentu, untuk tujuan tertentu.

Apapun pendefinisian yang diberikan terhadap kata baharu, kemunculan kata tersebut mempunyai tujuan dan sebab yang kukuh. Menurut Zaharani Ahmad, Nor Hashima Jalaluddin, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Harishon Radzi dan Mohd Shabri Yusof (2011) sesuatu bahasa memerlukan sejumlah perbendaharaan kata yang mencukupi bagi memungkinkannya mengungkap perkara-perkara baru yang lebih kompleks dan rencam, baik bersifat konkrit mahu pun abstrak. Maka atas alasan tersebut, semakin banyak kata baharu muncul yang dikatakan bertujuan untuk memperkaya kosa kata sesuatu bahasa, khusus kata baharu berkait bidang sains dan teknologi, serta memastikan maklumat dapat disampaikan dengan jelas dan paling tepat bagi mengelakkan kekeliruan, khusus untuk istilah-istilah penting dalam laras bahasa bagi bidang atau disiplin ilmu tertentu (Hasnah Mohamad, 2017). Kesan daripada kesemua tujuan ini akhirnya akan berbalik kepada masyarakat yang menggunakan bahasa tersebut, kerana bahasa yang kita tuturkan akan menjadi petunjuk atau memberi gambaran pemikiran sesuatu bangsa itu sendiri.

Secara dasarnya, kata baharu terhasil melalui dua kaedah, iaitu dicipta sendiri oleh penutur sesuatu bahasa, dan melalui kaedah peminjaman kata. Kedua-dua kaedah pembentukan kata ini boleh menyumbang kepada dua jenis kata baharu iaitu kata baharu berkait istilah teknikal, dan kata baharu yang menjurus kepada penggunaan harian. Bagi kata baharu yang berkait istilah (teknikal misalnya), upaya mendeskripsi kata tersebut telah lama berlangsung, sehingga telah wujud amalan praktis melalui buku Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004). Buku ini adalah suatu manual panduan yang digunakan untuk menggubal, membentuk, menyelaras dan membakukan istilah dalam bahasa Melayu bagi membantu memastikan fenomena kemasukan perkataan baharu (khusus istilah) ke dalam kosa kata bahasa Melayu dapat diperkenalkan, disebar dan diterima pakai oleh masyarakat, serta dapat melambangkan bahasa Melayu yang betul berlandaskan pedoman sedia ada (Juniani Kasdan, Harshita Aini Haroon, Nor Suhaila Che Pa, & Mohamed Roshimi Md. Shahor, 2014; Hasnah Mohamad, 2017). Walau bagaimanapun, upaya mendeskripsi kata baharu sama ada yang dicipta sendiri oleh penutur bahasa atau melalui kaedah peminjaman yang membentuk kata untuk penggunaan harian, dilihat masih belum jelas dan terarah.

2.0 KATA BAHARU (BUKAN ISTILAH) UNTUK PENGGUNAAN HARIAN: KONSEP, KESAN DAN MASALAH

Kata baharu untuk penggunaan harian boleh dirangkum dalam satu kumpulan variasi yang seterusnya menghasilkan satu keadaan yang dinamakan sebagai variasi bahasa dari kumpulan bahasa eksklusif. Dalam membincangkan hal ini, Siti Hajar (2009) mengatakan, bahasa eksklusif ialah bahasa yang mempunyai bentuk yang tersendiri, terbatas, unik dan diguna pakai oleh kelompok tertentu. Contohnya seperti bahasa slanga, purba, argot, pijin, bahasa khusus dan bahasa rahsia. Bahasa slanga misalnya, merupakan bahasa eksklusif yang terhasil daripada kelompok penutur tertentu, untuk kegunaan tertentu. Jika mengambil kira konsep kata baharu yang diperkatakan oleh Noresah (2005), maka dapat dikatakan bahawa konsep kata baharu (bukan istilah) untuk penggunaan harian adalah menyamai konsep kata slanga, namun perlu diperluas dengan tambahan kepada ciri khusus iaitu kata yang masih belum didokumentasikan dalam sebarang kamus.

Penggunaannya yang berleluasa dalam kalangan pengguna bahasa dikaitkan dengan arus globalisasi yang membawa pengaruh modenisasi bahasa dalam berkomunikasi, bermula daripada komunikasi siber sehinggalah kepada komunikasi antara muka. Penggunaan media

sosial sebagai medium baharu dalam komunikasi seharian seperti Facebook, Twitter, Myspace, dan Instagram dikatakan telah menyumbang faktor bercambahnya penciptaan dan penggunaan kata baharu oleh masyarakat pengguna, sehingga wewenang digunakan di luar daripada talian laman sosial (penggunaan lisan), terutama oleh generasi Y (Anderson, Taylor, & Logio, 2015; Maslin, 2015; Nur Azlina Jalaluddin, & Nurhasyinda Shahidan, 2017). Menurut Zubaidah (2016), kecenderungan mencipta istilah baharu dengan makna yang tersendiri telah mewujudkan bahasa figuratif yang memberikan kebebasan kepada kelompok masyarakat memanipulasi bahasa, menyerlahkan identiti, dan mengungkapkan mesej dalam ruang lingkup yang tersendiri.

Kesannya, penggunaan kata baharu yang popular di media sosial mampu mewujudkan keadaan tidak tenteram dalam suasana linguistik standard sesuatu bahasa, seperti boleh menyebabkan berlakunya salah tanggapan, salah tafsir, atau salah guna kata-kata tersebut oleh pengguna bahasa. Hal ini kerana, pelbagai bentuk kata baharu yang muncul dalam media, tidak mempedulikan peraturan dan sistem bahasa sedia ada, sama ada dari aspek sebutan, ejaan, peristilahan, kosa kata, tatabahasa dan laras bahasa. Gambaran ketidaktenteraman suasana linguistik standard yang satu daripadanya disebabkan oleh kemunculan kata baharu, dijelaskan oleh Teo Kok Seong (2006) sebagai kerancuan bahasa. Menurut Aminudin, (2013) gejala kerancuan bahasa menjadi semakin mengharukan apabila pihak media massa sama ada media cetak atau elektronik, tidak prihatin untuk sama-sama membantu ‘membiasakan yang betul, dan membetulkan yang biasa’.

Jika dari satu sudut pandang, fenomena ini dianggap menimbulkan masalah, namun dari satu perspektif yang lain, fenomena ini perlu ditangani dengan bijak. Hal ini kerana, tidak dapat tidak, bahasa memang akan terus berkembang dan hidup, selari dengan sifat kedinamikan bahasa itu sendiri (Crystal, 2006). Globalisasi dan revolusi industri misalnya, turut meninggalkan kesan kepada seluruh bahasa di dunia, termasuk bahasa Melayu, yang mampu menyebabkan ratusan malah ribuan kata, dan ungkapan baharu mula tercipta oleh pengguna bahasa (Nik Safiah, Farid, Hashim, dan Abdul Hamid, 2014). Sehubungan itu, upaya pendeskripsian kata baharu (bukan istilah) untuk penggunaan harian juga sewajarnya dirancang, digagas dan distruktur selari dengan perancangan bahasa yang tepat, melalui perancangan taraf dan perancangan korpus. Bersesuaian dengan hasrat tersebut, maka kertas kerja ini bertujuan mengagagakan strategi mendeskripsi kata baharu melalui aktiviti menelusur penggunaan sesuatu kata baharu yang popular di laman sosial.

3.0 PERANCANGAN STRATEGI MENDESKRIPSI KATA BAHARU

Perancangan strategi mendeskripsi kata baharu diperlukan untuk menangani isu penggunaan dan penuliran kata baharu yang popular di media sosial. Perancangan ini juga diperlukan sebagai usaha mengimbangi fenomena penggunaan dan penuliran kata baharu yang dianggap negatif kerana mampu menyebabkan masalah atau gejala kerancuan bahasa. Sebagai langkah awal, strategi mendeskripsi kata baharu dimulakan dengan perancangan memperoleh data yang akan melibatkan kerja-kerja mengenal pasti kata baharu yang akan dijadikan data, menyenaraikan kata baharu yang kerap digunakan dalam kalangan pengguna bahasa Melayu, menyisih kata melalui proses rujuk silang, dan menyelidik kata baharu dari pangkalan data korpus *WebCorp*. Keempat-empat kerja yang disenaraikan akan membantu pengkaji untuk memperoleh data yang diperlukan dalam usaha mendeskripsi kata baharu. Sementara itu, strategi menganalisis kata baharu pula akan melibatkan tiga (3) kerja analisis iaitu analisis pola penggunaan kata, analisis makna, dan analisis nilai kata.

Sebahagian daripada proses yang dirancang, akan dijalankan berdasarkan bantuan janaan komputer sepenuhnya seperti proses menyelidik kata baharu dari pangkalan data korpus, dan sebahagiannya lagi pula masih memerlukan analisis secara manual seperti proses mengenal pasti dan menyisih kata baharu. Sementara itu, terdapat juga proses yang memerlukan sinergi kedua-dua janaan (janaan komputer dan secara manual) seperti proses menganalisis pola penggunaan kata, makna dan nilai. Oleh itu, selari dengan keperluan memproses dan sifat kedinamikan bahasa itu sendiri yang akan terus berkembang dan hidup, maka perancangan yang dibuat berkaitan pemerolehan dan penganalisan data seharusnya mengambil kira kaedah dan pendekatan linguistik yang terkini dan terancang serta saintifik dan empirikal.


4.0 WEBCORP, TEXTSTAT DAN PROSODI SEMANTIK

Perancangan strategi mendeskripsi kata baharu perlu disusun bermula dengan meneliti pangkalan yang dapat digunakan untuk mencari dan menilai kata baharu yang akan dianalisis, perisian yang dapat digunakan untuk membantu menganalisis kata baharu, dan teori atau pendekatan yang dapat digunakan untuk membantu menyokong, memantapkan dan menguatkan hujah penganalisan kata baharu. Sehubungan itu, kertas kerja ini mencadangkan pangkalan data korpus WebCorp sebagai pangkalan yang digunakan untuk memperoleh data, perisian TextSTAT untuk membantu sebahagian daripada proses menganalisis data secara janaan komputer, dan pendekatan prosodi semantik yang akan digunakan untuk memantapkan dan menguatkan hujah semasa proses analisis dijalankan secara manual untuk meneliti pola penggunaan, makna dan maklumat tambahan.

4.1 WebCorp

Pangkalan data korpus *WebCorp* adalah pangkalan untuk mendapatkan data mentah dan output linguistik dari web yang dapat dianalisis dengan jelas dalam skala yang luas (Kehoe & Gee, 2007). Pangkalan ini dipilih kerana web dapat membekalkan sumber linguistik (contohnya kata atau frasa) yang terlalu jarang, sangat baharu atau tidak pernah muncul dalam mana-mana korpora standard. Pangkalan ini juga mampu membekalkan data yang banyak, dan meluas merentasi zaman (Gatto, 2008). Pengguna turut dapat mengakses sumber asal teks dari *WebCorp* dan analisis linguistik yang dijalankan lebih bersifat diakronik dengan mengambil kira sumber data terdahulu, dan terkini (Hundt, Nesselhauf & Biewer, 2007).

Dalam memegang teks kesemua zaman, yang mengandungi contoh-contoh perubahan bahasa yang boleh dikesan, *WebCorp* juga boleh memenuhi sebahagian daripada keperluan analisis diakronik ahli bahasa, dan pengkaji. Memandangkan banyak laman sesawang yang sentiasa dikemas kini, dengan beberapa juta halaman ditambah setiap hari, begitu juga halnya dengan sumber data *WebCorp* yang turut menawarkan eksploitasi carian laman sesawang yang mendalam serta memberi peluang kepada pengkaji untuk mendapatkan hasil yang segar. Selain itu, data korpus *WebCorp* merupakan data korpus yang sistematik kerana berkeupayaan untuk menapis, dan menyusun keputusan atau capaian maklumat mengikut tarikh (Kehoe, 2006). Jelas bahawa data *WebCorp* merupakan sebuah data korpus yang mesra pengguna dan mudah diakses oleh pengguna. Melalui *WebCorp* juga boleh dicapai sejumlah data yang diperolehi dari laman sesawang yang kerap digunakan oleh pengguna.




Rajah 1: Laman utama pangkalan data korpus *WebCorp*

4.2 *TextSTAT*

TextSTAT ataupun lebih khusus *TextSTAT 2.9* yang dihasilkan oleh Mathias Hunning dari Freie Universitat Berlin, ialah program percuma yang boleh dicapai melalui laman web neon.niederlandistik.fu-berlin.de/en/TextSTAT/ dan boleh dimuat turun ke dalam komputer peribadi pengguna (Huning, 2015). *TextSTAT* adalah sebuah program daftar kata yang mudah, dan dibina untuk meneliti perkataan yang digunakan dalam sesebuah teks. Program ini mampu membaca fail teks biasa (dalam pengekodan yang berbeza), dan fail HTML (fail yang diperolehi secara langsung dari internet).

Program ini juga mengandungi tiga lajur utama iaitu lajur *word form*, *concordance*, dan *citation* yang digunakan untuk meneliti pola, dan maklumat linguistik bagi data kajian. Melalui *TextSTAT*, pengguna boleh melihat bilangan kekerapan perkataan dalam sesuatu korpus (Radiah, 2014). Menurut Diniz (2005), pelbagai pola menarik boleh diteliti menerusi program daftar kata *TextSTAT* seperti kekerapan (*frekuensi*), kolokasi, konkordans, dan rentang kata bagi setiap kata yang dianalisis. Program *TextSTAT* cepat menjana senarai perkataan untuk buku dengan beribu-ribu perkataan (Harnby, 2014). Selain itu, program ini membekalkan banyak halaman (laman web) tertentu dan memberi kemudahan kepada para pengkaji kerana kaedah penggunaannya secara luar talian (*offline*). *TextSTAT* apabila digunakan bersama-sama korpus *WebCorp* akan memudahkan pengkaji memahami bahasa kerana masing-masing (perisian *TextSTAT*, dan korpusnya) berfungsi dalam persekitaran terhad, dan terkawal (Fletcher 2004; Krajka 2009).



Rajah 2: Program daftar kata *TextSTAT 2.9*

4.3 Prosodi semantik

Secara konsepnya, prosodi semantik ialah suatu pendekatan yang meneliti fenomena kepenggunaan kata. Konsep ini seterusnya diperteguhkan oleh Sinclair (1996) yang mengatakan bahawa prosodi semantik sebagai suatu proses untuk melihat ekspresi sesuatu kata yang dinilai berdasarkan keberadaan (bergabung, berdekatan, atau berkolokasi) dengan kata-kata lain. Keadaan ini bermaksud, melalui pendekatan prosodi semantik, pola penggunaan sesuatu kata dapat dianalisis berdasarkan perilaku linguistik kata tersebut, yang dinilai dari aspek morfologi atau sintaksis. Selain meneliti pola penggunaan sesuatu kata, prosodi semantik juga dapat digunakan untuk mengesan makna sesuatu kata berdasarkan proses lekapan dan pemindahan makna (Stewart, 2010). Lekapan makna atau *attached meaning* adalah suatu keadaan apabila sesuatu kata memperoleh makna hasil daripada lekapan makna kata-kata lain yang bergabung, berdekatan atau berkolokasi dengan kata-kata tersebut. Sesuatu yang bersifat melekap, pastinya akan melibatkan proses perpindahan dari suatu lokasi kepada suatu lokasi yang lain. Dalam pendekatan prosodi semantik, proses lekapan sesuatu kata telah menyebabkan wujudnya satu lagi proses yang dikenali sebagai pemindahan makna atau *transferred meaning*.

Kedua-dua proses ini mampu menyerlahkan makna sesuatu kata yang bergabung, berdekatan, atau berkolokasi dengan kata-kata lain apabila kata-kata lain tersebut berjaya melekapkan atau memindahkan makna masing-masing kepada makna kata yang diteliti. Semasa proses tersebut berlangsung, turut melekap dan berpindah ialah nilai bagi sesuatu kata. Dalam membincangkan hal ini, Louw (1993) telah mengetengahkan konsep *consistent aura* iaitu suatu konsep yang membolehkan penilaian terhadap sesuatu kata dibuat menerusi proses lekapan dan pemindahan makna. Penilaian yang dimaksudkan ialah penilaian berkenaan sifat positif atau negatif sesuatu kata, dan penilaian ini hanya boleh dibuat dengan meneliti contoh-contoh kata yang berkolokasi dengan kata lain dalam jumlah bilangan yang banyak. Berkenaan dengan konsep *consistent aura* yang dinyatakan oleh Louw, Sinclair (1994) mengatakan “*an aura of meaning that is subliminal, in that we only become aware of it when we see a large number of typical instances all together*” (hlmn 21). Keadaan ini menunjukkan, sebenarnya tanpa kita sedari setiap satu kata yang kita gunakan dapat dikenal pasti penilaiannya berdasarkan keadaan bergabung, berdekatan dan berkolokasi antara satu kata dengan kata-kata lain, sehingga mampu menyerlahkan pola penggunaan, makna dan nilai sesuatu kata.

5.0 STRATEGI MENGRURUS KEDINAMIKAN KATA BAHARU

Seperti yang telah dibincangkan dalam bahagian perancangan strategi, strategi mendeskripsi kata baharu dibahagikan kepada dua proses utama iaitu proses pemerolehan data dan proses penganalisan data. Proses pemerolehan data ialah proses yang bertujuan mendapatkan data yang paling tulen dan murni yang boleh dianalisis. Kerja-kerja dimulakan daripada mendapatkan data mentah, menyisih data, sehinggalah kepada memperoleh data tulen dan murni yang sesuai untuk dianalisis. Berikut adalah langkah-langkah pemerolehan data yang disertakan dengan penjelasan yang terperinci bagi setiap satu langkah tersebut.

5.1 Pengenalpastian Kata Baharu

Langkah pertama ialah mengenal pasti kata baharu yang akan dijadikan data dengan meneliti laman-laman sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, dan *Twitter*. Pemerhatian yang dibuat melalui laman-laman sosial ini bertujuan untuk meneliti corak komunikasi pengguna laman tersebut sehingga memungkinkan perubahan bentuk kata yang digunakan. Proses mengenal pasti data melalui pemerhatian terhadap laman sosial memerlukan usaha yang rinci kerana proses tersebut melibatkan etika dalam penyelidikan. Hal ini disebabkan oleh, setiap laman sosial tersebut dimiliki secara peribadi oleh individu. Oleh itu, pengkaji telah menguar-uarkan usaha penyelidikan yang dijalankan kepada pengguna laman sosial dengan menggunakan mode '*public*' dalam usaha mengenal pasti kata-kata baharu yang digunakan oleh pengguna laman sosial, baik dari kelompok senarai rakan pengkaji (*'friend list'*) mahupun dari orang awam (yang bukan dari kalangan '*friend list*' pengkaji). Keadaan ini bermakna, pemilihan data daripada status umum atau '*public*' daripada laman-laman sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, dan *Twitter*) telah mendapat persetujuan dan di bawah pengetahuan pemilik akaun laman tersebut


5.2 Penyenaiaan Kata Baharu

Selepas kata tersebut dikenal pasti, proses seterusnya ialah proses menyenaraikan kata-kata baharu yang kerap digunakan dalam kalangan pengguna bahasa Melayu. Hanya kata yang dianggap *content lexical* (kata nama, kata kerja dan kata adjektif) yang akan disenaraikan untuk dianalisis kerana setiap kata ini mampu menampilkan perilaku linguistik yang diperlukan. Seterusnya setiap kata berstatus *content lexical* yang telah disenaraikan akan dikelaskan mengikut jenis-jenis kedinamikan yang berlaku, seperti dari aspek perubahan ejaan (tambahan atau pengurangan huruf, singkatan kekal), perubahan makna dari makna asal (penyempitan atau peluasan), penciptaan baharu (belum pernah wujud), gabungan beberapa kata (akronim), dan kata terjemahan dengan perubahan makna kata asal (dari bahasa Inggeris, Tamil, Cina).

5.3 Penyisihan Kata

Setelah proses penyenaiaan data dibuat, maka kata baharu yang disenarai akan melalui proses rujuk silang dengan menggunakan *Kamus Dewan* (2015), *Kamus Besar Bahasa Melayu* (1995), *Kamus Pelajar* (2016) dan juga Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka (2017). Proses rujuk silang dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti sama ada senarai kata-kata yang ditemui telah didokumentasikan dalam kamus atau

sebaliknya. Setelah dikenal pasti, kata-kata yang telah sedia didokumentasikan dalam kamus akan disisihkan, manakala kata baharu (kata yang masih belum didokumentasikan dalam kamus) direkodkan. Proses ini amat penting dijalankan bagi membantu pengkaji memastikan data yang dipilih adalah sahih, autentik, dan terbukti bahawa kata-kata yang dipilih merupakan kata yang belum didokumentasikan dalam kamus (sesuai dengan definisi konsep kata baharu yang digunakan dalam penyelidikan ini).



Rajah 3: Kerja Penyisihan Data Melalui Proses Rujuk Silang

5.4 Penyelidikan Kata Baharu

Setelah proses penyisihan dan penyenaaran kata baharu dibuat dan diyakini bahawa kata tersebut masih belum didokumentasikan dalam kamus, maka kata tersebut mula diselidik daripada pangkalan data korpus *WebCorp* menerusi enjin carian *.my*. Kata baharu yang mencapai kekerapan tertinggi dalam pangkalan data *WebCorp* sesuai dijadikan data kajian, seterusnya boleh dianggap sebagai kata kunci (*KWIC - Key Word In Context*) dalam sesebuah penyelidikan. Pengkaji bebas memilih sama ada hendak menyelidik kesemua lema bagi satu-satu kata atau hanya menyelidik jenis kata (*type*) utama sahaja. Misalnya pengkaji boleh memilih untuk menyelidik kata kekawat sahaja, atau kata bagi setiap lemanya seperti mengekwat, dan terkekawat. Selesai memperoleh data yang tulen dan murni, strategi mengurus kedinamikan kata baharu perlu diteruskan dengan usaha menganalisis setiap data (kata baharu) tersebut. Sekurang-kurangnya tiga (3) proses analisis perlu dijalankan untuk membantu menyerlahkan maklumat linguistik bagi setiap kata baharu yang akan dianalisis. Maklumat linguistik tersebut dapat disertakan melalui selisihan terhadap pola penggunaan sesuatu kata berdasarkan analisis perilaku linguistik kata tersebut, yang dinilai dari aspek morfologi atau sintaksis. Berikut disenaraikan tiga (3) proses penganalisan kata berserta penjelasan yang terperinci bagi setiap satu proses analisis tersebut.

5.4.1 Analisis Pola Penggunaan Kata

Sesuatu bahasa yang wujud dan muncul boleh dianggap sebagai perlambangan identiti bagi masyarakat tersebut. Asmah (1993) menyatakan penggunaan bahasa merupakan cerminan kepada cara kehidupan sosial atau rohani. Perubahan pemikiran dan tradisi cara hidup kebiasaannya akan mempengaruhi perubahan bahasa khususnya dalam bentuk penggunaan kata-kata, penambahan kosa kata, bentuk ayat dan ungkapan-ungkapan tertentu. Maka, perubahan dan perkembangan dalam penggunaan kata, kosa kata, ayat, dan ungkapan oleh masyarakat tentunya boleh dikaji corak atau pola penggunaannya. Terdapat banyak perkara yang boleh diperhatikan tentang pola dan tingkah laku bahasa yang dituturkan oleh pengguna bahasa, sama ada penggunaannya secara terancang ataupun secara tidak sedar (Fishman, 1991). Oleh sebab itu, corak dan fenomena kepenggunaan sesuatu kata atau bahasa dapat diteliti berdasarkan Teori Prosodi Semantik seperti yang digariskan oleh Sinclair (1996), Louw (1993) dan Stewart (2010). Melalui teori ini, analisis pola penggunaan sesuatu kata dapat diteliti berdasarkan jumlah kekerapan penggunaan bagi kata tersebut, rujukan bagi penggunaan kata tersebut, perucap yang menggunakan sesuatu kata, dan pada masa yang sama aktiviti serta cara hidup masyarakat juga akan dapat diperhatikan melalui analisis pola penggunaan. Kesimpulannya, analisis pola penggunaan kata bermaksud analisis corak atau situasi bagi sekumpulan pengguna bahasa terhadap kata, ayat atau ungkapan yang dituturkan, berdasarkan hubungan kolokasi atau keadaan keberadaan (bergabung, berdekatan, atau berkolokasi) sesuatu kata dengan kata-kata lain sehingga mampu menyerlahkan identiti dan perlambangan bagi kelompok penutur.

5.4.2 Analisis Makna Kata

Realiti yang berlaku dalam bahasa ialah sesuatu kata itu mempunyai pelbagai pemerian makna yang boleh dirujuk. Indirawati dan Fatmawati (2012), menyatakan makna ialah penakrifan sesuatu konsep linguistik yang dihubungkan dengan sesuatu keadaan atau situasi sehingga pengenalpastian maksud yang melingkarinya dapat dicapai. Namun, kemampuan seseorang untuk benar-benar memahami makna bagi sesuatu kata kadang-kalanya agak sukar. Oleh sebab itu, kekeliruan pengguna bahasa dalam memberikan dan memahami suatu kata akan menimbulkan pelbagai masalah bahasa, misalnya masalah kerancuan bahasa (Teo Kok Seong, 2006). Oleh sebab itu, makna sesuatu kata wajar diteliti dan diperjelas dengan menggunakan kaedah yang autentik agar makna sebenar bagi kata yang dirujuk dapat diperoleh. Teori prosodi semantik misalnya, menawarkan kaedah menganalisis kata yang dianggap sangat sistematik dan saintifik dengan pengaplikasian konsep lekapan dan pindahan makna. Makna bagi sesuatu kata diteliti dengan cara menganalisis kolokasi kata-kata yang terdekat dengan makna yang dirujuk untuk mendapatkan perihal makna yang tepat. Seperti yang dijelaskan Aini (2005), walaupun banyak benda atau objek fizikal boleh dikenal pasti maknanya dengan mudah, namun tidak bererti bahawa makna untuk sesuatu kata atau ungkapan dapat diungkap dengan mudah. Menurutnya, makna sesuatu kata merujuk kepada konteks atau ciri khusus bagi rujukan. Maka, dapat dirumuskan bahawa analisis makna kata ialah suatu proses pemerian hal dan perkara bagi sesuatu objek atau sesuatu rujukan dengan melihat kepada corak penggunaan kata dalam konteks tertentu berdasarkan pengaplikasian konsep lekapan dan pindahan makna yang digagaskan oleh teori prosodi semantik.

5.4.3 Analisis Nilai Kata

Secara asasnya, Sinclair (1996) memandang prosodi semantik sebagai suatu proses meneliti fenomena kepenggunaan sesuatu kata. Fenomena ini boleh diperhatikan melalui susunan segugusan kata dalam sesuatu ujaran sehingga membolehkan kata-kata tersebut diintegrasikan maklumat tambahannya secara kritis, seperti dari segi nilai sesuatu kata. Dalam proses menganalisis nilai, pendekatan kata kunci dalam konteks atau *key word in context* boleh diaplikasikan. Proses ini secara tidak langsung dapat melihat nilai bagi sesuatu kata yang dipengaruhi oleh keberadaan kata kunci dengan kata-kata lain yang bergabung, berdekatan dan berkolokasi dengannya. Konsep *consistent aura* yang diperkenalkan Louw (1993) digunakan untuk membolehkan penilaian dibuat terhadap kata yang akan dianalisis. Penilaian yang dimaksudkan ialah penilaian berkenaan perkembangan sifat positif sesuatu kata kerana berlegar dalam kalangan kata-kata yang juga bernilai positif (ameliorisasi) atau perkembangan sifat negatif sesuatu kata kerana berlegar dalam kalangan kata-kata yang juga bernilai kerana berlegar dalam kalangan kata-kata yang juga bernilai negatif (pejorasi). Maka, dapat disimpulkan bahawa analisis nilai kata dalam kajian ini bermaksud penelitian aura atau nilai bagi kata kunci dengan melihat kepada nilai kata yang berdampingan dengan kata kunci.

6.0 CONTOH ANALISIS KATA BAHARU

Sebagai permulaan, dipaparkan tujuh (7) contoh penggunaan kata [kekawat] yang dianalisis dalam kajian ini.

Jadual 1: Senarai konkordans *kekawat*

Bil	Konkordans <i>kekawat</i>
1	Lelaki ***kekawat*** macam tu kau layan? Buang masa beb. Kalau aku, aku campak ke sungai je huahahahahah [WC211]
2	Heiii ! Awat muka ***kekawat*** sangat bedah oii ? haha Orang cakap mgn dia "Nekbu nak negok dik amek Gambar , Senyum " Bahhhh dia bagiii Ehhh kerek luuu ... Ingat santek.. Anak ku gelap ... Macam ni la ank peniaga Ikot je kemana Mama pegi 🤔🤔🤔🤔🤔🤔 [WC45]
3	Badan je sado boleh harap, tapi muka ***kekawat***. Jantan macam tu sila mereput dalam jamban [WC119]
4	Muka siyes syiaalllll ada hati buat perangai ***kekawat*** langkah diva. Ulu mana kau datang ni bro??? [WC652]
5	Amboimak... bahasa... punyalah ***kekawat***. Ni jantan kebulur kot ni yang cenggini sekali ni. [WC72]
6	Berehhh boh... aku sekali desyuppp je konfem pempuan-pempuan ***kekawat*** tak sedo diri ni aku tapau. Perangai macam musibat der [WC52]
7	la pondan2 suka mencarut..***kekawat***..berlagak...ko diva sangat ke...hello..kalo ko dah naik bmw sekali pon..aku tak heran la sundall!!!! [WC321]

6.1 Analisis Pola Penggunaan *Kekwat*

Setiap baris konkordans dalam Jadual 1 menyenaraikan kolokasi terdekat di sebelah kanan dan kiri kata kunci [kekawat]. Rentang kata di kiri dan kanan kata kunci dijadikan sebagai sandaran kepada analisis pola penggunaan bagi [kekawat]. Walau bagaimanapun, hanya kata yang berkolokasi lima kali atau lebih dengan kata kunci sahaja yang disenaraikan. Hasil selisikan menunjukkan kata [kekawat] paling kerap berkolokasi (kiri) dengan kata [muka] dan [perangai], manakala kolokasi di sebelah kanan pula sering berhubung dengan kata [kerek] dan [berlagak]. Berikut disertakan Jadual 2 yang dapat menjelaskan hal tersebut.

Jadual 2: Kolokasi Kiri Dan Kanan Bagi Kata *Kekwat*

Kolokasi Kiri	Kekerapan	Kolokasi Kanan	Kekerapan
muka	452	Kerek	562
perangai	316	berlagak	309
diva	221	diva	225
sundal	214	gedik	203
bahasa	117	hancur	173

Berdasarkan Jadual 2 di atas, kolokasi bagi kata [muka] (kolokasi kiri) dan [kerek] (kanan) mencatatkan frekuensi tertinggi iaitu masing-masing sebanyak 452 kali dan 562 kali. Maklumat ini jelas mencerminkan kecenderungan perilaku penggunaan kata [kekawat] dengan kata [muka] dan [kerek] yang dapat membantu menjelaskan pola penggunaan kata tersebut. Sebagai huraian kepada keadaan di atas, setiap baris konkordans akan distruktur berdasarkan item yang dikenal pasti, untuk memperlihatkan bentuk perilaku yang terhasil dalam menterjemahkan pola penggunaan kata [kekawat]. Hasil analisis dapat dijelaskan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Pola Penggunaan Bagi Kata *Kekwat*

AYAT	KWIC	PERUCAP	AKTIVITI	RUJUKAN	KETERANGAN
1	kekawat	aku	campak ke sungai	lelaki	
2	kekawat	ku	amek gambar	Bedah	muka, kerek
3	kekawat		sila mereput	jantan	muka
4	kekawat		langkah diva	Kau	perangai
5	kekawat		kebulur	jantan	bahasa
6	kekawat	aku	desyuppp	pempuan	tak sedo diri
7	kekawat	aku	mencarut	pondan	berlagak


Jadual 4 di atas dapat menjelaskan corak penggunaan kata [kekawat] menerusi paparan lajur ayat, KWIC, perucap, aktiviti di sebalik penggunaan kata kunci, rujukan atau individu yang dirujuk dan keterangan ayat. Pemahaman analisis pola penggunaan ayat dalam Jadual 3 menunjukkan, rujukan terhadap individu yang ditunjukkan sifat [kekawat] tersebut boleh terdiri daripada lelaki (kata [lelaki], dan [jantan]) atau perempuan (kata nama khas [Bedah] dan [pempuan], dan juga individu jantina ketiga (pondan). Menariknya gambaran sifat [kekawat] turut diperjelaskan dalam kebanyakan ayat contoh yang dianalisis seperti [muka] (contoh 3 dan 4), [kerek] (contoh 3), [perangai] (contoh 7), [bahasa] (contoh 10), [tak sedo diri] (contoh

11), dan [berlagak] (contoh 14). Dapatan ini secara tidak langsung dapat menjelaskan pemahaman bahawa kata [kekawat] digunakan oleh individu yang berpaksikan kepada tiga (3) elemen utama iaitu [kekawat] yang dizahirkan pada wajah, [kekawat] yang dizahirkan pada perangai dan [kekawat] yang dizahirkan pada bahasa.

6.2 Anaisis Makna Kekwat

Prinsip sesuatu kata mendapat makna berdasarkan proses lekapan dan pemindahan makna hasil hubungan kolokasi kata dalam segugusan ayat yang digagaskan oleh Prosodi Semantik membantu proses analisis dalam mengesan makna [kekawat] yang masih kabur. Menerusi pendekatan teori ini, proses lekapan makna berlaku dalam keadaan sesuatu kata (kekawat) memperoleh makna hasil daripada terlekapnya makna kata-kata lain yang bergabung, berdekatan dan berkolokasi dengan [kekawat]. Contohnya, makna bagi [muka] (contoh 2 dan 3), [kerek] (contoh 2), [perangai] (contoh 4), [bahasa] (contoh 5), [tak sedo diri] (contoh 6), dan [berlagak] (contoh 7) yang dianggap sebagai bukti leksikal, telah melekap kepada makna kata [kekawat]. Proses ini berlaku kerana pengaruh kuat yang dibawa oleh setiap kata-kata yang dianggap sebagai bukti leksikal tadi, telah melekapkan makna masing-masing kepada makna kata [kekawat].

Proses lekapan makna tidak dapat berlaku dengan sendirinya tanpa satu lagi proses penting iaitu proses pemindahan makna. Apabila sesuatu kata membawa pengaruhnya yang kuat untuk melekap kepada sesuatu kata yang lain, maka secara tidak langsung, makna kata tadi turut berpindah kepada kata tersebut. Keadaan ini menjelaskan bahawa, untuk membolehkan kata [kekawat] membangun sebagai satu kata yang bermakna, telah berlaku proses lekapan dan pemindahan makna yang terhasil daripada hubungan kata [kekawat] dengan kata-kata lain yang berkolokasi secara erat. Rajah 4 dapat menjelaskan proses lekapan dan pindahan makna kata-kata lain kepada kata [kekawat].



Rajah 4: Proses Lekapan dan Pindahan Makna Kekwat

Petunjuk :

- Proses lekapan makna
- Proses pindahan makna

6.3 Maklumat Tambahan *Kekwat*

Berdasarkan analisis ketiga-tiga jenis penggolongan kata yang bersifat *content lexical* (kata nama, kata kerja, dan kata adjektif), didapati kata [kekawat] lebih kerap berkolokasi dengan kata yang negatif sifatnya seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Menerusi jadual tersebut, jumlah rentang kata yang menjurus ke arah nilai positif, negatif, dan neutral dapat diperhatikan mengikut penggolongan kata, iaitu kata nama, kata kerja, dan kata adjektif. Kolokasi dengan kata yang bernilai negatif dicatat lebih tinggi, jauh meninggalkan kolokasi dengan kata bernilai positif atau neutral bagi ketiga-tiga golongan kata. Keadaan ini sekaligus mempamerkan dapatan yang secara spesifik menunjukkan bahawa kata [kekawat] berpotensi berada dalam lingkungan kata-kata yang juga bernilai negatif.

Jadual 4: Analisis Nilai Kata Bagi [kekawat]

Penggolongan Kata	Nilai	Jumlah
Kata Nama	Positif	41
	Negatif	312
	Neutral	85
Kata Kerja	Positif	39
	Negatif	344
	Neutral	82
Kata Adjektif	Positif	98
	Negatif	451
	Neutral	63


Secara spesifik pula, Jadual 5 di bawah memperincikan senarai rentang kata yang bernilai negatif dengan kata kunci [kekawat] berserta kekerapannya. Berdasarkan analisis, didapati kata [kekawat] lebih kerap berkolokasi dengan kata-kata yang bernilai negatif, seperti kata [kerek], [berlagak], [sundal], [gedik], [mencarut] dan [menyampah]. Manifestasi nilai yang bersifat negatif ini membuktikan bahawa kata [kekawat] telah mengalami perkembangan proses pejorasi (perkembangan makna yang kurang disenangi) bermula dari kolokasi kata nama, kata kerja, sehinggalah kepada kata adjektif.

Jadual 5: Senarai Rentang Kata Yang Bernilai Negatif Dan Kekerapan

JENIS KATA	JENIS / KEKERAPAN			
Kata Nama	minah	pempuan	pondan	jantan
	134	166	194	203
Kata Kerja	mencarut	mereput	intai	menyampah
	92	89	78	97
Kata Adjektif	sundal	kerek	berlagak	gedik
	214	562	309	203

Pembuktian setiap jenis kata dan paparan kekerapannya adalah kata yang bernilai negatif dapat dibuktikan melalui analisis jaringan semantik seperti dianjurkan dalam pendekatan prosodi semantik. Melalui proses ini, setiap kata bersifat kata kunci yang berkolokasi dengan kata-kata lain, boleh dikesan nilainya bersandarkan kepada sekurang-kurangnya tiga (3) kali hubungan kolokasi kata kunci tersebut dengan kata-kata yang sering berkolokasi

dengannya. Sehubungann itu, penjelasan berkenaan nilai negatif bagi kata [kekawat] boleh diuji melalui analisis jaringan semantik seperti dalam Rajah 5 di bawah.



Rajah 5 Jaringan Semantik Kata *Kekawat*

Rajah 5 di atas memaparkan hubungan 3 kolokasi yang berlaku pada tahap kata menerusi kata [kekawat] terhadap kata-kata lain yang sering berkolokasi dengannya secara tekal. Kata [kerek] dalam kolokasi 1 mempunyai hubungan dengan kata [perasaan] dalam kolokasi 2. Pada masa yang sama, kata [perasaan] dalam kolokasi 2 berhubungan dengan kata [sombong] dalam kolokasi 3. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa, pertama, ketiga-tiga hubungan kolokasi tersebut berlansung dalam suasana yang negatif kerana ketiga-tiga kata yang berkenaan saling berhubungan dengan kata-kata yang diyakini juga bernilai negatif. Kedua, setiap kata yang berkolokasi ([kerek], [perasaan], dan [sombong]) boleh dikatakan bernilai negatif kerana berada dalam suasana hubungan yang turut bernilai negatif. Menerusi analisis jaringan semantik yang digagaskan dalam pendekatan prosodi semantik, tiga hubungan kolokasi ini telah memadai untuk memberi tanggapan terhadap inteprestasi nilai bagi kata [kekawat] yang boleh dikatakan turut bernilai negatif kerana berada dalam suasana hubungan yang negatif.

7.0 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, selari dengan sifat kedinamikan bahasa itu sendiri yang akan terus berkembang dan hidup, maka perancangan strategi mendeskripsi kata baharu dengan mengambil kira kaedah dan pendekatan linguistik yang terkini dan terancang serta saintifik dan empirikal, amatlah wajar. Berteraskan penggunaan data dari pangkalan data korpus WebCorp sebagai pangkalan yang digunakan untuk memperoleh data, perisian *TextSTAT* untuk membantu sebahagian daripada proses menganalisis data secara janaan komputer, dan pendekatan prosodi semantik untuk memantapkan dan menguatkan hujah semasa proses analisis dijalankan, maka strategi mendeskripsi kata baharu yang dicadangkan dalam kertas kerja ini diharap mampu menjadi pencetus kepada kaedah mengurus kedinamikan kata baharu yang lebih sistematik dan ilmiah, manakala dapatan kajian menerusi tatacara analisis yang dicadangkan pula diharap mampu memperlihatkan ‘rupa paras’ kata baharu yang digunakan.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan geran FRGS dengan kod S/O 12812.

RUJUKAN

- Aini Karim. (2005). Teori medan makna: Pendeskripsian leksikal kata kerja dalam bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 5(3), 78-104.
- Aminudin Mansor. (2013, 12 Jun). Bahasa 'sekerat ular sekerat belut'. *Sinar Harian*, h. 34.
- Anderson, M. L., Taylor, H. F., & Logio, K. A. (2015). *Sociology: The Essentials* (8th ed.). USA: Wadsworth.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Perancangan bahasa dengan rujukan khusus kepada perancangan bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crystal, D. (2006). *How language works*. New York: Penguin Group.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2004). *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Diniz, L. (2005). Comparative review: TextSTAT 2.5, Antconc 3.0 and Complete lexical tutor 4.0. *Language Learning & Technology, Georgia State University*, 9(3), 22-27.
- Fishman, J.A. (1991). *Sosiologi bahasa: Satu pendekatan sains kemasyarakatan antara disiplin terhadap bahasa dalam masyarakat*. (Alias Mohammad Yatim, Trans). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fletcher, W. H. (2004). Facilitating the compilation and dissemination of ad-hoc web corpora. In A. Guy, S. Bernardini, & D. Stewart. (Eds.), *Papers from the Firth International Conference on Teaching and Language Corpora*, 1 – 18 pp. Amsterdam: Benjamins.
- Gatto, M. (2008). *From body to web: An introduction to the web as corpus*. Laterza: University Press On-line.
- Halliday, M.A.K., Cermakova, A., Teubert, W., & Yallop, C. (2004). *Lexicology and corpus linguistics: An introduction*. London, New York: Continuum.
- Harnby, L. (2014). *Revisiting an old favourite: TextSTAT, word lists, and the Proofreader*. Diakses daripada <http://www.louiseharnbyproofreader.com/blog-the-proofreaders-parlour/archives/06-2014>.
- Hasnah Mohamad. (2017). Pembentukan istilah baharu: Sejauh mana kesejajarannya dengan pedoman. *E-Prosiding PASAK 2 - Jilid 2: Subtema Ilmu Bahasa, Nilai-nilai Sejahtera, Sejarah & Ekonomi*, Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, 26-27 April 2017, Kolej Universiti Islam Selangor.
- Hundt, M., Nesselhauf, N., & Biewer, C. (2007). *Corpus linguistics and the web*. New York: Rodopi B.V.

- Huning. (2015). *TextSTAT. Simple Text Analysis Tool 2.9*.
http://www.niederlandistik.fu.berlin.de/textstat/software_en.html.
- Indirawati & Fatmawati. (2012). Analisis komponen makna kata kerja dalam slogan iklan produk kecantikan muka. *Jurnal Bahasa*, 12(2), 256-283.
- Juniani Kasdan, Harshita Aini Haroon, Nor Suhaila Che Pa, & Mohamed Roshimi Md. Shahor. (2014). Kaedah alternatif membentuk padanan istilah: Suatu pendekatan sosioterminologi. *Prosiding Symposium of International Languages and Knowledge (SILK 2014)*. Symposium of International Languages and Knowledge UniMAP, with Rajamangala University of Technology Srivijaya (RMUTSV), & Walailak University, Thailand, 14-16 Februari 2014, Hotel Hydro, Pulau Pinang.
- Kamus Pelajar. (2009). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Dewan. (2015). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Besar Bahasa Melayu. (1995). Kuala Lumpur: Utusan Malaysia Publication
- Kehoe, A., & Gee, M. (2007). New corpora from the web: Making web text more 'text-like'. Research and Development Unit for English Studies, Birmingham City University. Diakses daripada http://www.helsinki.fi/varieng/series/volumes/02/kehoe_gee/.
- Kehoe, A. (2006). Diachronic linguistic analysis on the web with WebCorp. *Language and Computers, University of Central England*. Diakses daripada https://www.researchgate.net/publication/233557418_.
- Krajka, J. (2009). Concordancing 2.0 : Custom-made corpora in the classroom. In T. Michael, (Ed.), *Handbook of research on web 2.0 and second language learning*. Hershey-New York: Information Science Reference.
- Louw, W.E. (1993). Irony in the text or insincerity in the writer? The diagnostic potential of semantic prosodies. In M. Baker, F. Gill, & T. B Elena (Eds), *Text and Technology: In Honour of John Sinclair*, (pp. 157-76). Amsterdam: John Benjamins.
- Maslin Masrom. (2015, November). Promosi bahasa di alam maya. *Dewan Bahasa*, 11, 9-12.
- Nathesan, S. (2016, Februari). Kosa kata baharu dalam bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 02, 12-15.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2014). *Tatabahasa Dewan (Edisi Ketiga)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noresah Baharom. (2005). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nur Azlina Jalaluddin, & Nurhasyinda Shahidan. (2017). Modenisasi bahasa di kalangan gen Z. *E-Prosiding PASAK 2 - Jilid 2: Subtema Ilmu Bahasa, Nilai-nilai Sejahtera, Sejarah & Ekonomi*, Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, 26-27 April 2017, Kolej Universiti Islam Selangor.
- Radiah Yusoff. (2014). Textstat untuk membina dan menganalisis korpus analisis kontrastif. Dalam Noriah Mohamed, & Radiah Yusoff (Eds.), *Pendekatan kontrastif dan komparatif bahasa-bahasa di Malaysia* (hlm. 130 – 144). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Sinclair, J. (1996) “The search for units of meaning”. *Textus* 9 (1), 75-106.
- Sinclair, J. (1994). Trust the text. In M. Coulthard (Ed.). *Advance in written text analysis*, (hlm. 12-25). London: Routledge.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). *Bahasa Melayu II*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Stewart, D. (2010). *Semantic prosody: A critical evaluation*. New York: Routledge Pub.
- Teo Kok Seong. (2006). Kerancuan dalam bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 6(4), 697-712.
- Zaharani Ahmad, Nor Hashima Jalaluddin, Fazal Mohamaed Mohamed Sultan, Harishon Radzi, & Mohd Shabri Yusof. (2011). Pemeraksanaan jati diri bahasa Melayu: Isu penyerapan kata asing. *Jurnal Melayu*, 6, 13 – 27.
- Zubaidah Mohd Sulaiman. (2016, Mac). Slanga mengupayakan kreativiti berbahasa remaja Melayu dan Cina. *Jurnal Bahasa*, 03, 22-25.